



ARTIKEL MENARIK

**SYARIKAT ADVANCED DEFENCE SYSTEMS SDN BHD (ADSSB)
SEBAGAI PENERAJU SISTEM PERSENJATAAN
UNTUK TENTERA DARAT**

**KEUPAYAAN KOMPLEKS KILANG PEMASANGAN SENJATA KALIBER BESAR
DALAM SISTEM PERSENJATAAN**



**LAWATAN PTD KE KOMPLEKS KILANG PEMASANGAN SENJATA KALIBER BESAR
ADVANCED DEFENCE SYSTEMS SDN BHD**



INSIDE FRONT COVER



155MM SPH CAESAR[®] THE 21st CENTURY ARTILLERY SYSTEM



INSIDE BACK COVER



CAESAR[®]

THE ONLY SPH TRANSPORTABLE BY C-130



Ibu Pejabat:

Suite 8-6, Level 8, Wisma UOA Damansara II,
No. 6, Changkat Semantan, Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2711 5868
Fax: 03-2711 5561

Kompleks Kilang Pemasangan:

Lot 309, Jalan Bypass, Mukim Jementah,
PULAPOL, 85100, Segamat, Johor.

Laman Web:

www.adssb.com.my

BACK COVER

JULAI/OGOS 2021

PERAJURIT

Penjana Pemikiran Pertahanan

KEMAMPUAN KUASA TEMBAKAN CAESAR[®]



**Keutamaan Memenuhi Keperluan
Angkatan Tentera Malaysia**



FRONT COVER

SYARIKAT ADVANCED DEFENCE SYSTEMS SDN BHD (ADSSB) SEBAGAI PENERAJU SISTEM PERSENJATAAN UNTUK TENTERA DARAT



Dalam usaha menjadi pemain utama dalam industri pembekalan sistem persenjataan untuk Tentera Darat Malaysia, syarikat Advanced Defence Systems (ADS) telah membina sebuah Kilang Pemasangan Persenjataan Kaliber Besar yang bertempat di Lot 309, Jalan Bypass, Mukim Jementah, Pulapol Segamat 85100, Johor dengan memiliki keluasan lot tanah seluas 2.7189 hektar (6.7187 Ekar). Kilang tersebut mula beroperasi pada 10 Mac 2020. Kompleks kilang ini dibina dengan keluasan 31,109 kaki persegi.

Cadangan reka bentuk dan membina kompleks kilang ini melibatkan beberapa kontraktor tempatan yang memiliki kepakaran tinggi dan keupayaan



dalam sektor pembinaan. Semasa pembangunan kompleks kilang dijalankan, proses perbincangan dan pemantauan diadakan secara berkala. Ini adalah untuk memastikan kompleks kilang pemasangan ini dibina dengan keupayaan tinggi selari dengan kehendak Syarikat Advanced Defence Systems Sdn Bhd. Keupayaan fasiliti berkaitan sistem persenjataan di Kompleks Kilang Pemasangan Senjata Kaliber Besar ini memainkan peranan penting dalam penyediaan perkhidmatan dan pembekalan yang lebih efektif dan berdaya saing, selain mampu menjana pendapatan dalam sektor pemasangan dan senggaraan persenjataan dan kenderaan.

Bagi memenuhi keperluan kerajaan dalam pembekalan sistem persenjataan dan sistem kenderaan khususnya artileri, syarikat ADSSB telah berkerjasama dengan syarikat *Original Equipment Manufacturing* (OEM) iaitu Nexter Systems, Perancis. Nexter Systems adalah syarikat pembuat sistem persenjataan yang terbukti *combat-proven* dan dilengkapi dengan pelbagai fungsi tembakan, unit bermotor dan juga berperisai. ADSSB juga bekerjasama dengan syarikat OEM lain dalam pembekalan sub-sistem bagi keperluan sistem



105mm LG1 MK III.



CAESAR® 155mm 52 Calibre SPH.



Bore Erosion Measurement and Inspection System (BEMIS).

persenjataan dan sistem kenderaan. Ini bagi memastikan perkhidmatan dan pembekalan yang diberikan bermutu dan memenuhi keperluan terutamanya dalam meningkatkan lagi kuasa tembakan tentera darat khususnya Rejimen Artileri Diraja

(RAD). Antara OEM yang telah lama menjalankan usahasama bersama ADS adalah CLP System AB, Sweden dalam pembekalan *Bore Erosion Measurement and Inspection System* (BEMIS).

KEUPAYAAN FASILITI BERKAITAN SISTEM PERSENJATAAN DI KOMPLEKS KILANG PEMASANGAN SENJATA KALIBER BESAR ADVANCED DEFENCE SYSTEMS SDN BHD



Kerja-kerja Pemasangan Sistem Meriam.



Kerja-kerja Penyelenggaraan Sistem Meriam.

Kompleks Kilang Pemasangan Senjata Kaliber Besar ADSSB dilengkapi dengan pelbagai fasiliti untuk menyokong pelaksanaan kerja-kerja pemasangan dan senggaraan bagi sistem persenjataan dengan lebih efektif.

Perkhidmatan yang dijalankan di kompleks kilang ADSSB ialah:

- Pemasangan dan Kalibrasi Sistem Persenjataan.
- Penyelenggaraan Sistem Persenjataan dan Sistem Sokongan.
- Pengecatan Sistem Persenjataan.

Kawasan kerja pemasangan dan senggaraan sistem di kompleks kilang dibina dengan kemampuan *floor hard standing* sehingga 60 tan berat maksima. Fungsi utamanya adalah untuk membantu aktiviti pemasangan dan senggaraan komponen meriam dan kenderaan di kawasan kerja pemasangan secara lebih praktikal.

Bagi menjalankan kerja-kerja pengecatan sistem persenjataan, kerja-kerja ini dilaksanakan di dalam *paint booth* dengan keluasan binaan 1,470 kaki persegi.



Kerja-kerja Pengecatan Sistem Meriam.



Kawasan Kerja Pemasangan Dan Senggaraan Sistem Meriam.

Kompleks kilang ini turut dilengkapi dengan 1 x 5 Tonne Single Girder Overhead Travelling Crane dan 1 x 20 Tonne Double Girder Overhead Traveling Crane. Fungsi utamanya adalah untuk aktiviti pemasangan dan senggaraan komponen meriam dan kenderaan di kawasan kerja pemasangan.

Selain itu juga, kompleks kilang ADS turut dilengkapi dengan bilik kebal senjata yang berfungsi untuk menyimpan komponen - komponen senjata yang bernilai dan berbahaya seperti laras meriam. Ini untuk mengelakkan dari risiko kecurian atau kehilangan.

Spesifikasi binaan bilik kebal ini telah disahkan oleh Tim Naziran Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 12 Mac 2020 dan telah dianugerahkan Lesen Pengilang Meriam/Peluru Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Kawasan pemasangan dan penyelenggaraan ini turut dilengkapi dengan stor khusus bagi penyimpanan *tools, equipment* dan komponen berkaitan automotif, pelbagai dan



20 Tonne Double Girder Overhead Travelling Crane.



5 Tonne Single Girder Overhead Travelling Crane.



105mm LG1 MKIII diangkat dengan 5 Tonne Overhead Crane.



Lokasi Stor.

persenjataan terutamanya. Stor ini dilengkapi dengan *heavy duty racking* dan sistem penyimpanan teratur.

Dua (2) x *Braking Test Area* adalah antara fasiliti penting di Kompleks Kilang ADSSB. Ini bertujuan untuk menguji keberkesanan sistem brek meriam atau kenderaan yang telah dipasang atau disenggara. Ujian ini dilaksanakan di dalam kompleks kilang dengan saiz keluasan 12m x 110m. Ujian keberkesanan brek amat penting dalam memastikan keselamatan jalan raya semasa penggunaan.



Sedang menjalankan ujian brek.

LAWATAN PANGLIMA TENTERA DARAT (PTD) DAN TIM NAZIRAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI (KDN) KE KOMPLEKS KILANG PEMASANGAN SENJATA KALIBER BESAR ADVANCED DEFENCE SYSTEMS SDN BHD



Ismail, Asisten Ketua Staf Perancangan dan Pembangunan TD, Mejar Jeneral Rashidin Hashimi bin Ab Rashid, Ketua Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Penilaian TD, Brigedier Jeneral Ahmad bin Abu Bakar, Pengarah Rejimen Artileri Diraja, Brigedier Jeneral Dato' Dr Hj Ibrahim bin Yasir serta Ketua Staf Markas Artileri Divisyen 3 Divisyen (MK Arti 3 Div), Kolonel Zamri bin Mat Esa.

Lawatan tersebut dimulakan dengan sesi taklimat daripada pihak syarikat mengenai projek dan perkembangan program 105mm LG1 MKIII. Lawatan ini disusuli dengan sesi melawat tapak pemasangan meriam di Kompleks Kilang Pemasangan Senjata Kaliber Besar ADSSB. Semasa sesi lawatan, para pelawat didedahkan mengenai proses pemasangan dan sub-sistem kepada meriam 105mm LG1 MKIII.

LAWATAN PANGLIMA TENTERA DARAT

Pada 13 November 2020, syarikat dengan amat berbesar hati telah menerima lawatan kerja dari Panglima Tentera Darat (PTD), Jeneral Tan Sri Datuk Zamrose bin Mohd Zain. Lawatan kerja ini adalah sebahagian dari aturcara sempena Lawatan Ulung beliau ke formasi Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (PMBTD) dan Kem Syed Sirajuddin, Gemas.

Turut sama mengiringi lawatan tersebut ialah Panglima Medan Barat Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Mohammad bin Ab Rahman, Asisten Ketua Staf Operasi dan Latihan TD, Mejar Jeneral Dato' Hamdan bin Hj



**LAWATAN TIM NAZIRAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
(KDN)**

Pada 12 Mac 2020, Kompleks Kilang ADSSB dengan berbesar hati telah menerima kunjungan Tim Naziran Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang disertai oleh beberapa wakil dari KDN, Kementerian Pertahanan Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Pejabat Tanah, Majlis Perbandaran Segamat dan wakil-wakil lain yang turut serta. Hasil dari sesi naziran yang telah dijalankan, kompleks kilang ADSSB telah dianugerahkan Lesen Pengilang Meriam/ Peluru Kementerian Dalam Negeri.

Pada 13 Oktober 2020, Kompleks Kilang ADSSB sekali lagi dengan berbesar hati telah menerima kunjungan Tim Naziran Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang disertai oleh beberapa wakil dari KDN, Kementerian Pertahanan Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Pejabat Tanah dan wakil-wakil lain yang turut serta. Hasil dari sesi naziran yang telah dijalankan, kompleks kilang ADSSB telah dianugerahkan lanjutan bagi Lesen Pengilang Meriam/ Peluru Kementerian Dalam Negeri.



KEMAMPUAN KUASA TEMBAKAN CAESAR® 155MM SPH



CAESAR® 155mm 52 *Calibre Self-Propelled Howitzer* (SPH) system cukup sinonim dengan kemampuan kuasa tembakan dan terbukti *combat-proven*. Dengan memiliki kuasa tembakan yang efektif menjadikan CAESAR® sistem artileri yang cukup berdaya saing. CAESAR® yang berasal daripada Perancis ini dilengkapi dengan pelbagai fungsi tembakan bagi menyokong operasi bebas oleh Tentera Darat.

Sistem CAESAR® ini direka khas bagi memenuhi keperluan misi kompeten dalam operasi pertempuran. Dengan kemampuannya menggunakan peluru jenis NATO Standard 155mm, CAESAR® mempunyai permulaan bekalan peluru 16 pusingan lengkap dan memiliki sistem navigasi, sistem tindak balas yang cekap, sistem pengiraan balistik dan alat bantuan arahan. Sistem ini boleh melepaskan tembakan kurang dari 1 minit.

Sistem artileri ini mempunyai kadar tembakan enam butir seminit dan dapat menembak peluru *Base Bleed Extended Range Full Bore* (ERFB) dengan jarak lebih dari 40km manakala peluru roket untuk jarak lebih dari 55km. Hal ini menjadikan CAESAR® 155mm SPH sistem artileri yang luar biasa dan mempunyai permintaan tinggi bagi tujuan pertahanan dan pertempuran di setiap negara lebih-lebih lagi di negara Asia.



Sistem CAESAR 155mm SPH CAESAR® ini dilengkapi dengan ciri-ciri mobiliti, keselamatan dan kawalan tembakan yang cekap dan mudah dikendalikan. Selain dari ringan, tahap keberkesanan sistem ini dapat dilihat apabila sistem ini mempunyai tahap kesediaan yang sangat tinggi dari segi daya tembak, mobiliti dan tindak balas. Hal ini kerana sistem ini dilengkapi dengan sistem peletakan automatik dan komputer balistik *on-board*, kru yang hanya terdiri dari 5 anggota terlatih melakukan misi menembak lengkap sebanyak 6 pusingan dalam masa kurang dari 3 minit.

CAESAR® telah membuktikan kehebatannya di medan pertempuran dengan keupayaan ciri teknologi yang serba canggih. CAESAR® 155mm SPH ini telahpun menempuh lebih daripada 1 juta kilometer perjalanan dan 100,000 tembakan. Sistem 155mm SPH CAESAR® telah diiktiraf keberkesanannya dalam misi pertempuran dan pertahanan negara. Hal ini membolehkan penggunaan CAESAR® diperluaskan di seluruh pelusuk dunia untuk digunakan dalam sektor pertahanan negara pengguna sistem ini. Syarikat pengeluar, Nexter Systems, France amat yakin dengan keberkesanannya dalam kemampuan untuk bertempur menggunakan kekuatan kuasa tembakan dan kecanggihan sistem persenjataannya.

